AMAH

lwn.

NFKBMZ

[Mahkamah Rayuan Syariah Shah Alam Di Negeri Selangor. Kes Rayuan Bil.: 10000-017-0129-2019 (YAA Dato' Haji Mohd Shukor bin Haji Sabudin (Pengerusi), YA Datuk Haji Mohd Radzi bin Abdul Latif (Panel) dan Y.A Datuk Jasri @ Nasip bin Mat Jakir (Panel)]

[28 Rejab 1442H bersamaan 12 Mac 2021]

***Undang-Undang Keluarga Islam* –** Rayuan Tuntutan Harta Sepencarian – Rayuan Terhadap Sebahagian Keputusan- Mengenai Takat Sumbangan Pihak-Pihak Dalam Perolehan Hartanah- Seksyen 122 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.

Fakta Kes

[1] Kes ini adalah kes rayuan yang difailkan oleh Perayu melalui suatu Notis Rayuan bertarikh 13/11/2019 setelah mendapat kelulusan Melanjutkan Masa Memfailkan Notis Rayuan pada 06/11/2019. Rayuan yang dibuat adalah terhadap sebahagian keputusan Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam yang diberikan pada 09/10/2018 dalam kes Mal No. 10200-017-0013-2016.

[2] Perayu telah tidak berpuashati terhadap sebahagian keputusan Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam yang memerintahkan seperti berikut:-

1. *Mahkamah meluluskan permohonan Plaintif berdasarkan peruntukan Seksyen 122 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.*
2. *Mahkamah mengisytiharkan bahawa aset dan harta berikut diisytiharkan sebagai harta sepencarian pihak-pihak iaitu :*
   i. *Sebuah rumah teres dua tingkat yang beralamat No xx, Jalan Mahkota x, Bayan Close, Bukit Mahkota, Bangi, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan yang dipegang di bawah No. x-Hakmilik : G RN xxxxxx, Lot xxxx,*

DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH

SALINAN LAMAN WEB JAKESS

*Mukim Beranang, Daerah Hulu Langat, Negeri Selangor Darul Ehsan (selepas ini dikenali sebagai **Harta Pertama tersebut**);*

ii. *Sebuah kereta Lexus CT 200H nombor pendaftaran BAR xxx; (selepas ini dikenali sebagai **Harta Kedua tersebut**);*

iii. *Amanah Saham Bumiputra (ASB) dengan RI-IB Bank, Nombor Akaun : xxxxxxxxxxxxx(selepas ini dikenali sebagai **Harta Ketiga tersebut**);*

3. *Mahkamah memerintahkan **Harta Pertama Tersebut** hendaklah dijual dan dinilai dengan nilaian semasa dan Plaintif berhak terhadapnya dengan kadar sebanyak 52% dan Defendan sebanyak 48% setelah ditolak hutang-hutang dan kos yang berkaitan.*

4. *Mahkamah memerintahkan hasil jualan **Harta Kedua Tersebut** hendaklah dibahagikan kepada Plaintif dengan kadar bahagian sebanyak 83% dan kepada Defendan dengan kadar bahagian sebanyak 17%.*

5. *Mahkamah memerintahkan Plaintif membayar sebanyak RM5,120 kepada Defendan sebagai sumbangan langsung oleh Defendan terhadap **Harta Ketiga Tersebut**.*

[3] Bagi maksud rayuan ini ianya hanya melibatkan perintah Hakim Bicara di para 3 sahaja iaitu berkenaan dengan sebuah rumah di No xx, Jalan Mahkota x, Bayan Close, Bukit Mahkota, Bangi, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan yang dipegang di bawah No. Hakmilik : GR.N xxxxxx, Lot xxxx, Mukim Beranang, Daerah Hulu Langat, Negeri Selangor Darul Ehsan yang memerintahkan ianya dijual dan dinilai dengan nilaian semasa dan Plaintif berhak terhadapnya dengan kadar sebanyak 52% dan Defendan sebanyak 48% setelah ditolak hutang-hutang dan kos yang berkaitan.

[4] Di Mahkamah Tinggi Syariah, pihak Responden telah membuat tuntutan harta sepencarian terhadap Perayu yang merupakan bekas suami yang dinikahi pada 12/01/2003. Pihak-pihak kemudiannya bercerai pada 07/08/2015 di luar dan tanpa kebenaran Mahkamah yang telah disahkan oleh Mahkamah Rendah Syariah Daerah Hulu Langat. Tuntutan Responden sebagaimana Penyata Tuntutan Pindaan adalah sebagaimana yang berikut:-

DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH

SALINAN LAMAN WEB JAKESS

i. Mahkamah memerintahkan dan mengisytiharkan bahawa hartanah di bawah pegangan Hakmilik individü yang dikenali sebagai Jenis dan No.Hakmilik : GRN xxxxxx, Lot xxxx, Mukim Beranang, Daerah Ulu Langat, Negeri Selangor yang beralamat di No xx, Jalan Mahkota x, Bayan Close, Bukit Mahkota, Bangi, 43000 Kajang, Selangor sebagai harta sepencarian selari dengan peruntukan Seksyen 122 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003;

ii. Mahkamah memerintahkan Hartanah tersebut dijual pada nilai pasaran semasa dan hasil keuntungan yang diperolehi setelah ditolak kos-kos yang berkaitan dibahagikan di antara Plaintif dan Defendan berdasarkan takat sumbangan masing-masing iaitu 70% kepada Plaintif dan 30% kepada Defendan atau apa-apa kadar yang difikirkan adil dan saksama oleh Mahkamah Yang Mulia;

iii. Mahkamah memerintahkan Defendan agar menandatangani segala dokumen pindah milik dan/atau apa-apa ikatan atau dokumen yang perlu dilaksanakan oleh Defendan bagi menyempurnakan penjualan, pindah milik dan/atau pembahagian harta-harta tersebut di bawah undang-undang Malaysia termasuklah di bawah Kanun Tanah Negara dan Akta Syarikat Malaysia;

iv. Sekiranya Defendan enggan, cuai dan/atau abai untuk melaksanakan Perenggan iii di atas, maka Plaintif bolehlah melaksanakan bagi pihak Defendan;

v. Apa-apa perintah atau relif yang difikirkan patut dan wajar oleh Mahkamah.

[5] Semasa di Mahkamah Bicara, pihak-pihak tiada pertikaian berkaitan hartanah tersebut untuk diisytiharkan sebagai harta sepencarian, namun begitu Perayu yang pada waktu itu bertindak selaku Defendan telah membuat tuntutan balas dengan memohon supaya rumah tersebut dibahagikan pada kadar 70% kepada Defendan dan 30% kepada Plaintif.

[6] Isu utama yang berbangkit adalah mengenai takat sumbangan pihak-pihak dalam perolehan hartanah tersebut. Sepanjang prosiding perbicaraan pihak Responden telah mengemukakan keterangan yang disokong oleh keterangan dokumentar dan dua orang saksi manakala pihak Perayu pula hanya berdasarkan keterangan dokumentar berkaitan.

DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH

SALINAN LAMAN WEB JAKESS

[7] Hakim Bicara telah memutuskan pembahagian hartanah tersebut adalah dibuat berdasarkan kiraan sumbangan langsung yang telah dapat dibuktikan oleh pihak-pihak sepanjang prosiding berlangsung sebagaimana berikut :

Perkara	**Kos**	**Perayu**	**Responden**
Deposit, Bayaran pemprosesan, Yuran Guaman	RM60,773.49	-	RM60,773.49
Baki deposit awal 10%	RM230,154.4	-	RM230,154.4
Bayaran ansuran bulanan dalam tempoh Mei 2014-April 2018 (48 bulan)	RM5,550 x 48 = RM 83,250	RM266,400	
Jumlah	**RM557,327.69**	**RM266,400 (48%)**	**RM290,927.89 (52%)**

SALINAN LAMAN WEB JAKESS

Diputuskan

SETELAH Kami meneliti Notis Rayuan, Rekod Rayuan dan hujahan pihak-pihak, MAKA KAMI sebulat suara memutuskan sebagaimana yang berikut:-

(1) Rayuan Perayu **DITERIMA.**

(2) Perintah Mahkamah Tinggi Syariah bertarikh pada 09/10/2018 dalam Kes Mal No. 10200-017-0013-2016 bagi terma 3 adalah DIPINDA kepada —

DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH

Mahkamah memerintahkan bahagian Responden / Plaintif bagi Harta Pertama Tersebut adalah sebanyak 40% dan bahagian Perayu / Defendan sebanyak 60% berdasarkan nilaian setakat tarikh perceraian pihak-pihak setelah ditolak hutang-hutang dan kos yang berkaitan.

Peguam syarie

1. Perayu: *diwakili oleh Tuan Mohammad Syafiq Bin Ibrahim daripada Chambers Of Zainul Rijal.*
2. Responden: *diwakili oleh Puan Syamimi Binti Ab Rahman daripada Tetuan Zulkifli Yong Azmi & Co.*

Surah Al-Quran yang dirujuk

Tiada.

Undang-undang yang dirujuk

1. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 –s.122(1) s.122, s.122 (1), s.122(3)
2. Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Selangor) 2003 – s.50

Kes-kes yang dirujuk

1. *Yang Chik Iwn Abdul Jamal* [1985] 6 JH 146

Kitab-kitab yang dirujuk

1. *Kitab al-Turuq al-Hukmiyyahfi al-Siasah al-Syar 'iyyah, İbnu Qayyim al-Jauziyyah*, cetakan Dar al İhya al-Ulum, Beirut, tanpa tarikh, hlm. 30

Penghakiman YAA Dato'Haji Mohd Shukor bin Haji Sabudin (Pengerusi), YA Datuk Haji Mohd Radzi bin Abdul Latif (Panel) dan Y.A Datuk Jasri @ Nasip bin Mat Jakir (Panel),HMRyS

[8] Setelah kami meneliti Notis Rayuan, Alasan Rayuan, Rekod Rayuan, dan Penghujahan bertulis yang telah dikemukakan oleh pihak-pihak serta Alasan Penghakiman YA

DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH

SALINAN LAMAN WEB JAKESS

Hakim Bicara, kami merumuskan hanya 4 isu sahaja yang perlu diulas dalam rayuan ini iaitu —

i) Samada Hakim Bicara telah terkhilaf apabila membuat perkiraan takat sumbangan Perayu bermula Mei 2014 sehingga April 2018 iaitu selama 48 bulan sahaja sedangkan sumbangan atau pembayaran tersebut masih terus ditanggung oleh Perayu selepas perintah dikeluarkan pada 09/08/2018.

ii) Samada Hakim Bicara telah terkhilaf dan gagal memberikan penjelasan lanjut apabila mengiktiraf pembayaran awal perolehan hartanah tersebut yang terdiri daripada deposit, bayaran pemprosesan, yuran guaman dan baki daripada deposit 10% adalah sumbangan Responden semata-mata sedangkan sebahagiannya adalah sumbangan bapa Responden kepada pihak-pihak.

iii) Samada Hakim Bicara telah terkhilaf apabila tidak menerima dokumen Perayu berkenaan kos-kos pembaikan dan penyelenggaraan sebagai salah satu bukti sumbangan langsung Perayu terhadap hartanah tersebut.

iv) Samada Hakim Bicara terkhilaf apabila gagal memberikan penjelasan dengan lebih lanjut di Perenggan 22 muka surat 13 Alasan Penghakimannya yang menyatakan "*Mahkamah tidak mengambil kira sumbangan tak langsung pihak-pihak kerana kedua-dua pihak dilihat masing-masing mempunyai sumbangan langsung yang tersendiri* .

[9] Bagi **alasan yang pertama**, Perayu menghujahkan sumbangan langsung Perayu setiap bulan bagi hartanah tersebut selepas perintah dikeluarkan oleh Hakim Bicara sehingga April 2020 sewajamya masih diambil kira sebagai sumbangan langsung Perayu memandangkan tiada peruntukan yang memberi indikasi bahawa takat sumbangan pihak-pihak hendaklah diambil kira semasa dalam tempoh perkahwinan sahaja.

[10] Responden pula menghujahkan bahawa sumbangan yang masih ditanggung oleh Perayu bukanlah disebabkan kekhilafan Hakim Bicara, sebaliknya beıpunca daripada kegagalan Perayu unluk melaksanakan perintah Hakim Bicara pada 09/10/2018 yang memerintahkan hartanah tersebut dijual dan dinilai dengan nilaian semasa. Selanjutnya

DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH

SALINAN LAMAN WEB JAKESS

Responden menyatakan bayaran yang ditanggung oleh Perayu selepas kes diputuskan merupakan isu baru yang tidak pernah berbangkit dan dibuktikan di Mahkamah Bicara.

[11] Berdasarkan alasan penghakiman di muka surat 544-562 Rekod Rayuan, kami mendapati Hakim Bicara telah membuat perkiraan takat sumbangan langsung Perayu bagi hartanah tersebut adalah bermula pada Mei 2014 sehingga April 2018. Persoalan yang timbul dalam alasan ini adalah **bilakah tempoh masa yang sepatutnya diambil kira dalam menentukan takat sumbangan pihak-pihak menurut undang-undang**. Merujuk kepada seksyen 122(1) Enakmen Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 memperuntukkan :

> *"Mahkamah adalah mempunyai kuasa apabila membenarkan lafaz talaq atau apabila membuat suatu perintah perceraian untuk memerintah* ***supaya apa-apa aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama*** *mereka dibahagi antara mereka atau sipaya mana-mana aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu."*

[12] Dalam kes *Yang Chik Iwn Abdul Jamal* [1985] 6 JH 146, hakim menyatakan bahawa:

> **"*Harta sepencarian ialah harta yang diperoleh semasa dalam perkahwinan*** *dengan masing-masing suami isteri sama-sama menyumbang tenaga atau wang ringgit untuk mendapatkan harta."*

[13] Berdasarkan peruntukan dan otoriti tersebut, perkiraan takat sumbangan adalah selama mana pihak-pihak dalam tempoh perkahwinan yang sah dan terhenti apabila berlakunya perceraian. Oleh itu perkiraan yang sebenar sepatutnya bermula pada Mei 2014 sehingga Ogos 2015 sahaja. Oleh itu apa-apa sumbangan yang dilakukan oleh Perayu dalam perolehan hartanah tersebut selepas daripada perceraian bukan lagi dikira sebagai takat sumbangan usaha bersama harta sepencarian dengan Responden, sebaliknya telah menjadi usaha tunggal Perayu sepenuhnya.

DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH

SALINAN LAMAN WEB JAKESS

[14] Dalam kes ini Hakim Bicara telah mengambil pendekatan untuk membuat perkiraan sehingga April 2018 iaitu semasa prosiding kes sedang berjalan sedangkan pihak-pihak telah disahkan bercerai pada 07/08/2015. Pada hemat kami Hakim Bicara telah terkhilaf apabila mengambil pendekatan sedemikian. Isu samada hartanah tersebut masih gagal terjual sebagaimana yang dihujahkan oleh Perayu adalah melibatkan proses pelaksanaan perintah yang tidak wajar kami sentuh.

[15] **Bagi alasan yang kedua** pula, Perayu menghujahkan sebahagian dari pembayaran awal perolehan hartanah tersebut yang terdiri daripada deposit, bayaran pemprosesan, yuran guaman serta baki deposit awal 10% adalah hasil daripada pemberian dari bapa Responden kepadanya dan Responden sebanyak RM60,773.49 dan selebihnya adalah hasil jualan rumah terdahulu pihak-pihak di Kota Seriemas, Nilai. Oleh kerana itü adalah tidak sewajarnya jumlah tersebut dikira sebagai sumbangan Responden semata-mata.

[16] Manakala Responden pula menghujahkan persoalan dari sumber mana wang tersebut diperolehi adalah tidak menjadi isu memandangkan pembayaran dilakukan oleh Responden maka sewajarnya diambil kira sebagai sumbangan Responden.

[17] Berdasarkan alasan penghakiman Hakim Bicara kami tidak menemui sebarang ulasan lanjut berkaitan perkara ini melainkan Hakim Bicara telah menerima dokumen-dokumen yang dikemukakan oleh Responden sebagai bukti pembayaran dan dengan itü Responden dianggap sebagai penyumbang tunggal kepada pembayaran awal hartanah tersebut.

[18] Oleh yang demikian, bagi memutuskan persoalan ini, pihak kami telah menekuni keseluruhan nota keterangan pihak-pihak dan saksi-saksi serta keterangan dokumentar yang diterima masuk. Berdasarkan penelitian kami berkali-kali, kami tidak menemui sebarang keterangan yang menunjukkan secara jelas bahawa bapa Responden ada menyumbang secara terus jumlah tersebut sebagai pembayaran awal perolehan hartanah pihak-pihak di No xx, Jalan Mahkota x, Bayan Close, Bukit Mahkota, Bangi, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH

SALINAN LAMAN WEB JAKESS

[19] Sebaliknya kami mendapati pembayaran tersebut adalah hasil jualan rumah terdahulu pihak-pihak di Kota Seriemas, Nilai. Oleh itü persoalan samada sebahagian pembayaran awal adalah hasil sumbangan bapa Responden boleh dianggap sebagai sumbangan Responden atau sebaliknya tidak lagi berbangkit.

[20] Dapatan ini adalah berdasarkan keterangan bapa Plaintif sendiri selaku SPI dalam afidavit keterangan bagi Soalan 16 yang diikrarkan pada 26/01/2017 menyatakan " *setahu saya Plaintif telah menyumbang secara langsung dari segi beberapa pembayaran terhadap rumah tersebut antaranya seperti bayaran duit downpayment dan deposit awal yang mana deposit awal tersebut adalah* ***hasil dari penjualan rumah di bawah nama Plaintifyang terletak di Kota Seriemas, Nilai, Negeri Sembilan***.

Manakala semasa disoal balas pada prosiding bertarikh 10/10/2017 pula beliau menyatakan "***pembelian rumah di Bukit Mahkota saya tidak terlibat*****".**

[21] Begitu juga dengan keterangan Responden semasa disoal balas pada 23/05/2017 menyatakan " *Rumah Kota Seriemas dijual. Hasil jualan RM 460, 000. Jumlah bersih selepas dapat lawyer ambil duit dan kami dapat dalam RM 300,000 lebih.* ***Dari situ saya bayar deposit rumah di Bukit Mahkota***" .Berdasarkan petikan keterangan-keterangan tersebut kami mendapati dan berpuashati bahawa pembayaran-pembayaran awal yang dimaksudkan adalah hasil penjualan rumah terdahulu pihak-pihak.

[22] Merujuk kepada fakta-fakta yang diakui menunjukkan bahawa rumah terdahulu pihak-pihak di Kota Seriemas, Nilai didaftarkan atas nama Responden yang berharga RM293,000. Perolehan hartanah ini adalah hasil sumbangan bapa Responden sebanyak RM120,000 manakala selebihnya adalah pinjaman yang dibuat oleh Responden namun pada kebanyakan masanya dibayar oleh Perayu dengan anggaran RM 1 ,000 sebulan.

[23] Hartanah ini kemudiannya telah dijual dengan harga sebanyak RM460,000. Hasil jualan bersih lebih kurang RM300,000 antara lain telah digunakan untuk melangsaikan pembayaran awal hartanah tersebut termasuk deposit awal 10%. Pihak-pihak turut

DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH

SALINAN LAMAN WEB JAKESS

mengakui bahawa rumah tersebut diperolehi dalam tempoh perkahwinan dan merupakan harta sepencarian.

[24] Berdasarkan fakta-fakta ini kami berpandangan hasil jualan rumah tersebut yang digunakan untuk pembayaran awal adalah hasil sumbangan kedua-dua pihak yang sewajarnya dinikmati bersama. Oleh kerana tiada keterangan yang terperinci mengenai jumlah pembayaran bulanan yang dilakukan oleh Perayu dan Responden, maka pada perkiraan kami adalah bersesuaian untuk meletakkan takat sumbangan 50% bagi setiap pihak. Oleh yang demikian kami bersetuju dengan alasan perayu bahawa dapatan Hakim Bicara yang memutuskan keseluruhan pembayaran ini adalah hasil sumbangan Responden semata-mata adalah suatu kekhilafan.

[25] Merujuk kepada **alasan yang ketiga** pula, Perayu menghujahkan bahawa dokumen-dokumen yang dikemukakan bagi membuktikan kos-kos pembaikan dan penyelenggaraan rumah yang dibiayai olehnya merupakan dokumen yang sah dan tidak diragui dan bertepatan dengan seksyen 50 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003.

[26] Manakala Responden pula menghujahkan kegagalan Perayu untuk menyatakan dengan jelas berkenaan jumlah kos sebenar pembaikan tersebut dengan mengemukakan dokumen-dokumen yang asal berkaitan menyebabkan Hakim Bicara menolak dakwaan tersebut.

[27] Setelah kami meneliti nota keterangan pihak-pihak, kami tidak mendapati apa-apa keterangan yang spesifik dan konkrit berkaitan dakwaan tersebut samada dari segi jumlah, bila dan bagaimana kaedah pembayaran tersebut dilakukan. Kami turut mendapati bahawa dokumen-dokumen yang dikemukakan oleh Perayu sebagaimana di muka surat 628-632 Rekod Rayuan adalah tidak jelas untuk dipertimbangkan. Justeru, kami bersetuju dengan ulasan Hakim Bicara untuk menolak keterangan dokumentar ini dan mendapati tiada sebarang kekhilafan dapatan oleh Hakim Bicara.

DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH

SALINAN LAMAN WEB JAKESS

[28] Bagi **alasan keempat** pula Perayu menghujahkan Hakim Bicara sepatutnya turut mengambil kira sumbangan tak langsung Perayu dalam perolehan hartanah tersebut. Berdasarkan rujukan perayu kepada kes-kes terdahulu mendapati pembahagian harta sepencarian ditentukan melalui sumbangan langsung dan tak langsung pihak-pihak dan telah menjadi *judicial precedent.*

[29] Responden pula menghujahkan, sepanjang perbicaraan Perayu tidak pernah menimbulkan isu sumbangan tak langsungnya kepada perolehan hartanah tersebut secara jelas kepada Mahkamah. Sebaliknya sumbangan tak langsung Responden telah diakui oleh Perayu.

[30] Dalam penghakimannya, kami dapati Hakim Bicara telah menggunakan istilah 'sumbangan langsung' dan 'sumbangan tak langsung'. Sungguhpun istilah ini tidak terdapat dalam seksyen 122, namun ianya boleh difahami merujuk kepada 'usaha bersama' dan 'usaha tunggal' sebagaimana yang terdapat dalam seksyen 122(1) dan 122(3) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.

[30] Bagi merungkai persoalan ini, sekali lagi rujukan dibuat kepada seksyen 122 bagi memahami bagaimana kaedah pernbahagian harta sepencarian ditentukan. Seksyen 122 antara lain memperuntukkan;

(1) *Mahkamah adalah mempunyai kuasa, apabila membenarkan lafaz talaq atau apabila membuat suatu perintah perceraian, memerintahkan supaya apa-apa aset yang diperoleh oleh pihakpihak itu dalam masa perkahwinan dengan* ***usaha bersama*** *mereka dibahagikan antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu.*

(2) *Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen (1),Mahkamah hendaklah mengambil perhatian kepada—*

(a) *takat sumbangan yang telah dibuat oleh tiap-tiap satu pihak dalam bentuk* ***wang, harta, atau kerja*** *bagi memperolehi asset itu;*

DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH

SALINAN LAMAN WEB JAKESS

(b) *apa-apa hutang yang terhutang oleh salah satu pihak yang telah dilakukan bagi manfaat bersama mereka;*

(c) *keperluan anak-anak yang belum dewasa daripada perkahwinan itu, jika ada,*

dan, tertakluk kepada pertimbangan itu, Mahkamah hendaklah membuat pembahagian yang sama banyak.

(3) *Mahkamah adalah mempunyai kuasa, apabila membenarkan lafaz talaq atau apabila membuat perintah perceraian, memerintah supaya apa-apa aset yang diperolehi dalam masa perkahwinan dengan* ***usaha tunggal*** *satu pihak kepada perkahwinan itü dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu.*

(4) *Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen (3),Mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada—*

(a) ***takat sumbangan yang telah dibuat oleh pihak yang tidak memperolelii aset itu, kepada kebajikan keluarga dengan memeliliara rumahtauigga atau menjaga keliiarga;***

(b) *keperluan anak-anak yang belum dewasa daripada perkahwinan itu, jika ada,*

dan, tertakluk kepada pertimbangan ilu, Mahkamah boleh membahagikan aset itu atau hasil jualan itu mengikut apa-apa kadar yang difikirkannya munasabah, tetapi, walau bagaimanapun, ***pihak yang telah memperoleh aset itu dengan usalianya hendaklah menerima suatu kadar yang lebih besar****.*

[31] Berdasarkan kepada peruntukan di atas, sesuatu harta sepencarian boleh diperolehi sama ada melalui **usaha bersama** (*subseksyen 1*) ataupun melalui **usaha tunggal** (*subseksyen 3*). Takat sumbangan bagi usaha bersama adalah apabila kedua-dua pihak menyumbang dalam bentuk **harta, wang atau kerja**. Manakala takat sumbangan melalui usaha

DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH

SALINAN LAMAN WEB JAKESS

tunggal pula merupakan usaha satu pihak sahaja ke atas perolehan sesuatu harta. Dalam sumbangan usaha tunggal ini, pihak yang tidak menyumbang kepada perolehan tersebut melalui harta, wang atau kerja adalah layak mendapat kadar pembahagian berasaskan sumbangannya kepada kebajikan keluarga dengan memelihara rumahtangga atau menjaga keluarga.

[32] Dalam kes dihadapan kami ini, Perayu dan Responden secara jelas mempunyai sumbangan secara usaha bersama dalam bentuk kewangan. Oleh yang demikian, dapatan Hakim Bicara yang memutuskan pembahagian dengan mengambil kira takat sumbangan pihak-pihak yang telah dibuat dalam bentuk kewangan bagi memperolehi aset tersebut adalah menepati kehendak seksyen 122(2) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.

[33] Berdasarkan kepada ulasan bagi setiap Alasan Rayuan ini, pada hemat kami kadar takat sumbangan Perayu dan Responden sebagaimana yang telah diputuskan oleh Hakim Bicara memerlukan campur tangan kami untuk membuat penilaian semula takat sumbangan pihak-pihak dalam memperolehi harta tersebut.

[34] Setelah kami meneliti sumbangan kedua-dua pihak bagi keseluruhan jumlah pembayaran awal bagi perolehan rumah tersebut serta mengambil kira bayaran bulanan yang ditanggung oleh Perayu bermula dari tarikh pembelian sehingga kepada tarikh perceraian pihak-pihak, maka pada hemat kami kadar yang munasabah bagi Perayu adalah lebih besar berbanding kadar yang diterima oleh Responden. Sumbangan pihak-pihak yang telah dikenalpasti adalah seperti berikut :

Perkara	**Kos keseluruhan**	**Perayu**	**Responden**
Deposit, Bayaran pemprosesan, Yuran Guaman	RM 60,773.29	RM 30,386.64	RM30,386.64

DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH

SALINAN LAMAN WEB JAKESS

Baki deposit awal 10%	RM230, 154.4	RM 115,077.2	RM 115,077.2
Bayaran ansuran bulanan dalam tempoh Mei 2014-0gos 2015 (15 bulan)	RM5,550 x 15 = RM 83,250	RM83,250	-
Jumlah	**RM 374,177.69**	**RM 228,713.84**	**RM 145,463.84**

[35] Bagi memutuskan rayuan ini dan demi menjamin keadilan kepada kedua-dua pihak, kami telah memberikan perhatian dan mengambil berat tentang takat sumbangan pihak-pihak yang merupakan elemen penting dalam menjadikan sesuatu harta tersebut sebagai harta sepencarian. Hal ini sebagaimana yang dijelaskan di dalam kitab *al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siasah al-Syar'iyyah, İbnu Qayyim al-Jauziyyah*, cetakan Dar al İhya al-Ulum, Beirut, tanpa tarikh, hlm. 30 antara lain menyatakan :

ومن ذلك أن الجمهور الفقهأ يقولون في تداعي الزوجين والصانعين لمتاع البيت والدكان: إن القول قول من يدل الحال على صدقه، والصحيح في هذه المسألة أنه لا عبرة باليد الحسية بل وجودها كعدمها، ولو اعتبرناها لاعتبرنا به يد الخاطف لعمامة غيره وعلى رأسه عمامة وآخر حوله حاسر الرأس ونحن نقطع بأن يده ظالمة عادية فلا اعتبار لها

Maksudnya:

"Di antaranya ialah, sebahagian ahli perundangan Islam telah sepakat berpendapat bahawa di dalam kes tuntutan antara suami isteri yang sama-sama berusaha dalam mendapatkan harta rumah tangga dan sebuah kedai, tuntutan yang sedemikian hendaklah diterima berdasarkan keterangan yang membuktikan tuntutan itu. Sebenarnya di dalam persoalan ini, pemilikan sesuatu harta itu tidak dikira hanya semata-mata

DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH

SALINAN LAMAN WEB JAKESS

berdasarkan nama yang tertera di dalam harta itu. Setakat nama yang tertera di dalam sesuatu harta itu belum tentu membuktikan pemilikannya. Kenyataan sebegini adalah kerana seandainya diambil kira hak milik sesuatu harta semata-mata mengikut nama yang tertera di dalam harta itu, maka nescaya serban yang dipakai di kepala seseorang yang merampas serban kepunyaan orang lain akan dikira sebagai serban kepunyaan perampas itu, sedangkan pengiktirafan yang sedemikian adalah suatu kezaliman dan tidak diambil kira"

KEPUTUSAN

SETELAH meneliti notis rayuan, alasan rayuan dan hujahan pihak-pihak, MAKA KAMI sebulat suara memutuskan sebagaimana yang berikut:-

(1) Rayuan Perayu DITERIMA.

(2) Perintah Mahkamah Tinggi Syariah bertarikh pada 09/10/2018 dalam Kes Mal No. 10200-017-0013-2016 bagi **terma 3** adalah **DIPINDA** kepada:
Mahkamah memerintahkan bahagian Responden / Plaintif bagi **Harta Pertama Tersebut** adalah sebanyak **40%** dan bahagian Perayu / Defendan sebanyak **60%** berdasarkan nilaian setakat tarikh perceraian pihak-pihak setelah ditolak hutang-hutang dan kos yang berkaitan.

SALINAN LAMAN WEB JAKESS

DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH